

Banjir kilat terus hantui penduduk Georgetown

➔ Mangsa kecewa tiada tindakan segera diambil Kerajaan DAP

Oleh Muhammad Yusri
Muzamir dan Norhaslinda
Abd Wahid
bhnews@bh.com.my

Georgetown

"Sampai bila kami perlu berhadapan dengan masalah ini dan menanggung kerugian".

Itulah luahan perasaan kecewa penghuni kira-kira 50 rumah yang dilanda banjir kilat termasuk di Jalan P Ramlee, Kampung Dodol, Kampung Makam, Kebun Lama di sini.

Rumah mereka dinaiki air kira-kira 0.3 meter berikutan hujan lebat berterusan sejak jam 12 tengah malam, kelmarin.

Penduduk yang sudah bosan dengan banjir kilat yang kerap melanda, mempersoalkan sampai bila mereka terpaksa menanggung 'azab' itu, selain kecewa kerana tiada tindakan segera diambil Kerajaan DAP Pulau Pinang berhubung

isu yang menghantui mereka.

Terasa seperti diabaikan

Mereka juga berasa seolah-olah diabaikan wakil rakyat masing-masing yang didakwa jarang menjejak dan melihat penderitaan yang terpaksa ditanggung penduduk terutama dalam menghadapi musim hujan ketika ini.

Penduduk di Jalan P Ramlee, Md Razali Dahan, 65, berkata setiap kali hujan lebat, rumahnya akan dinaiki air sehingga satu meter, sekali gus menyebabkan banyak peralatan termasuk perabot rosak.

"Tahun ini saja sudah lebih enam kali kawasan rumah saya dilanda banjir kilat dan setiap kali hujan terutama waktu malam kami tidak mampu melelepkan mata dengan tenang kerana bimbang rumah dinaiki air.

"Kami cukup menderita dengan keadaan ini dan tertanya-tanya sampai bila kami perlu berhadapan dengan situasi ini dan sampai bilakah kami mampu bertahan?

"Kami harap satu langkah penyelesaian segera dapat diambil kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini yang membelenggu penduduk," katanya kepada BH.


Md Razali berkata, dalam kejadian banjir kilat pada September lalu, PROTON Perdana milik isterinya ditenggelami air dan sehingga kini kereta itu masih tersadai di bengkel.

"Masa kejadian, saya dan isteri berada di Shah Alam dan ketika air naik, anak hanya sempat menyelamatkan perabot tetapi tidak sempat mengalihkan kereta ke kawasan lebih tinggi.

Tanggung kerugian

"Perabot rumah rosak, terpaksa dibuang seperti almari, sofa, kabinet dapur dan perkakasan elektrik. Saya juga terpaksa mengupah orang untuk melakukan kerja pembersihan di dalam dan luar rumah setiap kali dilanda banjir," katanya.

Sementara itu, Rosnah Duraji, 44, berkata rumahnya kerap ditengge-



Kami harap satu penyelesaian segera diambil kerajaan negeri untuk mengatasi masalah yang membelenggu penduduk"

Md Razali Dahan,
Mangsa

lami air terutama jika hujan hujan lebat berterusan lebih dua jam.

"Banjir kilat paling teruk ketika sambutan Deepavali lalu, apabila banyak barangan rosak sehingga terpaksa dibuang.

"Ketika itu air naik satu meter sehingga barangan yang sudah dialihkan ke tempat tinggi juga turut ditenggelami.

"Disebabkan terlalu banyak kerosakan yang ditanggung akibat banjir, saya mengambil keputusan tidak akan membeli perabot baharu kerana bimbang perkara sama akan berlaku lagi," katanya.

Di Seberang Prai, hampir 70 rumah di Kampung Lokan, Kampung Tok Sani, Kampung Manggis, Kampung Perlis, Jalan Perusahaan Mak Mandin dan Taman Limbungan, dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat kira-kira tiga jam sejak jam 12 tengah malam kelmarin.

Air mulai naik setinggi 0.3 meter hingga 0.6 meter kira-kira jam 3 pagi, sebelum surut sepenuhnya jam 6.30 pagi.